## Madrasah al-Jamā'ah al-Islāmīyyah Sri Ayutthaya

Madrasah al-Jamā'ah al-Islāmīyyah Sri Ayutthaya, iaitu sebuah sekolah agama (sekolah rakyat) di bawah tadbiran Samakhom Islam Sri Ayuttahaya ( Nama badan Persekutuan Islam di Ayuttahaya) Siam.

**(oleh Fajar Timur, Thailand)**

Sekolah ini terdiri dalam tahun 1947 dengan batuan orang ramai dan juga wang Samakhom tadi, besar sekolah ini dapat mengisi murid-murid lebih kurang 400 orang. Tetapi sekarang jumlah murid-murid yang ada belajar kira-kira 320 orang sahaja.

Bangunan sekolah ini terletak di tengah-tengah kampung Klong Ta Kian, Ayuttahaya *Province*, sebuah kampung orang-orang Thai Islam, jumlah ramai penduduknya lebih kurang 800 jiwa, 3 batu jaraknya pekan Ayuttahaya, tetapi jalan untuk ke kampung itu sangat sukar sekali, oleh kerana tak ada jalan motokar atau jalan raya untuk ke kampung itu, makan kenderaan orang-orang di sini (Klong Ta Kian) ialah motor dalam sungai, dan sungai inilah jalan raya mereka.

Dasar-dsar dan peraturan sekolah ini seperti antara lain: Arab, Melayu, Siam dan Inggeris. Tiap-tiap harinya dari pagi-pagi hingga senja, penuh diberi pelajaran-pelajaran (kecuali hari Jumaat) tertib-tertib jadual pelajaran tiap-tiap hari ialah: dari pukul 6.00 – 8.00 pagi diajar bahasa Arab dan Melayu bagi murid-murid darjah rendah sekali dan (farḍu 'ayn) setakat pengajiannya, memakan masa 4 tahun, dan apabila lulus diberi satu syahadah.

Dari pukul 8.30-12.00 diajar bahasa Siam dan Inggeris tingkatan dua setakat pengajiannya memakan masa 6 tahun.

Dari pukul 1.00-4.00 diajar bahasa Arab dan Melayu tingkatan *al-ibtidaī* dan *al-thanawī*, iaitu setakat pengajarannya 3 tahun bagi *al-ibtidaī* dan 3 tahun bagi *al-thanawī*, jadi jumlah masa belajar kesemuanya 10 tahun dengan syahadah (bahagian agama).

Dari pukul 4.00-4.45 diajar murid-murid rendah (mereka farḍu 'ayn).

Susunan pelajarannya di sekolah ialah mengikut susunan sekolah kerajaan di Mesir, apabila lulus di sekolah ini ada sambungannya di sana (Mesir). Mengikut susunan pelajaran-pelajaran yang diajarnya: inilah sekolah agama yang tertinggi sekali dalam seluruh Muang Thai.

Guru besar sekolah ini ialah: Tuan al-Haji Musa Hanafi, beliau mendapat didikan dan kelulusan di Universiti Azhar.